

Headline	Fama sedia bantu mahasiswa ceburi pertanian moden		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka and Negeri Sembilan)		
Date	11 Oct 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	41	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	234 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,639
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,917



## Fama sedia bantu mahasiswa ceburi pertanian moden

**PORT DICKSON** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) sedang memperkasa budaya bermiaga dan pertanian moden dalam kalangan mahasiswa.

Pengerusinya Tan Sri Badruddin Amiruldin berkata, ini bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan import bahan makanan dan menstabilkan harga bahan mentah di pasaran tempatan.

Menurutnya, Fama akan membantu graduan dengan bantuan kewangan dan bimbingan supaya mereka tahu ilmu dalam perniagaan.

"Lebih-lebih lagi dalam sektor makanan kerana ia mempunyai pasaran serta keperluan tinggi

dan boleh dipasarkan ke seluruh dunia.

"Jika negara kita punya banyak keluaran terutama dari segi makanan secara tidak langsung harga barang akan menjadi stabil, seterusnya rakyat dapat faedah dan anak muda dapat majukan perniagaan mereka kelak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Keusahawanan Chillax TN50 Siswapreneur Mega Sale MyAgrosis dan My Best Buy di Politeknik Port Dickson.

Badrudin berkata, pihaknya berharap lebih ramai mahasiswa mendekati Fama untuk bersama memajukan diri dalam bidang perniagaan serta memanfaatkan

peluang yang ada, seperti mendapatkan dana yang diperuntukkan kerajaan.

Tambahnya, sejak dilancarkan pada Disember 2011, seramai 31,379 mahasiswa daripada 106 institusi pengajian tinggi seluruh negara menyertai Kelab Usahawan Siswazah Tani (MyAgrosis).

Turut hadir, Pengarah Fama negeri Muslim Manja dan Pengarah Politeknik Port Dickson, Roslee Yahya.

Seramai 300 pelajar dan kakitangan Politeknik Port Dickson turut sama dalam sesi dialog bersama Badruddin.

Dalam majlis sama turut diadakan Gimik Majlis Pelancaran MyAgrosis PPD.



Badrudin hadir merasmikan program Keusahawanan Chillax TN50 Siswapreneur Mega Sale MyAgrosis dan My Best Buy Politeknik Port Dickson, semalam.